

MENYANGGA JENAMA BAHASA MELAYU

SELURUH rakyat Malaysia baru menghela nafas lega setelah berjaya mengharungi pandemik COVID-19 yang begitu rakus merubah landskap pemikiran, perasaan dan gaya hidup harian kita. Sebenarnya proses yang dilalui, iaitu dari masa Perintah Kawalan Pergerakan dan kini Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan telah mematangkan kita dan kita akan terus belajar cara hidup dalam kebiasaan baharu agar pisang tidak berbuah dua kali.

DENGAN semangat baharu kita melangkah ke hadapan dan kembali memberikan perhatian terhadap perancangan yang telah disusun atur sebelum ini.

Selain perancangan dari segi pembangunan ekonomi, kita juga harus memberikan tumpuan terhadap pembangunan sosial yang merangkumi aspek jati diri khususnya yang berkaitan dengan bahasa kebangsaan. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas pelbagai usaha yang dijalankan untuk memartabatkan bahasa Melayu. Satu daripada inisiatif KPM ialah pelancaran Dekad Bahasa Kebangsaan (DBK) yang memperlihatkan penggabungan usaha antara KPM dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam usaha melakarkan pelan komprehensif untuk menjadikan bahasa kebangsaan

sebagai bahasa pilihan utama di tanah air, di negara serantau dan di seluruh dunia.

Antara aspirasi yang dipahat termasuklah DBP boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan pusat dan institut bahasa lain yang dimiliki oleh negara maju, seperti British Council (United Kingdom), Goethe Institute (German) dan Nippon Institute (Jepun). Dengan status yang sedemikian sudah pasti jenama DBP akan lebih kukuh dan berpengaruh di persada dunia.

Pelan ini amat memerlukan penglibatan pelbagai pihak, iaitu daripada pucuk pimpinan hinggalah ke akar umbi untuk menjamin kejayaan DBK. Pelan ini juga harus mencakupi bukan sahaja aspek fizikal, malah aspek kognitif dan afektif kerana berkaitan dengan pengajaran, pembelajaran, dan penggunaan bahasa. Antara aspek

yang perlu diberikan perhatian ialah pemantapan jenama bahasa Melayu, pemasaran produk dan kemahiran tenaga pengajar dalam mengendalikan pembelajaran dan pengajaran (PdP) dalam talian.

Sejak kebelakangan ini jenama bahasa Melayu terasa semakin pudar apabila penggunaan bahasa Inggeris berleluasa digunakan di majlis rasmi dan media sosial. Ucapan yang disampaikan oleh pemimpin dalam majlis yang majoriti dihadiri oleh penutur dan pengguna bahasa Melayu, disampaikan bukan dalam bahasa Melayu. Terdapat juga segelintir pemimpin organisasi yang kurang mahir berbahasa Inggeris lebih rela terkial-kial membaca teks yang ditulis dalam bahasa Inggeris daripada mempertahankan jati diri dengan menggunakan bahasa Melayu. Alasan yang diberikan terdapat para tetamu

yang tidak memahami bahasa Melayu dan sebagai tanda hormat kepada tetamu yang diundang. Situasi yang aneh turut berlaku tatkala tetamu yang diundang juga kurang mahir berbahasa Inggeris dan terpaksa menggunakan penterjemah untuk memahami ucapan yang disampaikan.

Perkara inilah yang perlu diberikan perhatian dalam pelan komprehensif DBK. Kita sedia maklum bahawa para pemimpin menjadi suri teladan kepada rakyat jelata, khususnya golongan remaja yang masih mencari identiti mereka. Sekiranya pemimpin mengambil tindakan yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan, yang mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan Malaysia, bagaimana dapat dipupuk pembinaan jati diri bangsa Malaysia, khususnya dalam kalangan orang muda. Sejauh mana pula penyatuan dan perpaduan bangsa dapat dipupuk sekiranya orang yang berpengaruh tidak mengambil berat?

Perkara ini perlu ditangani dalam pelan komprehensif, bukan sahaja untuk mengubah sikap dingin terhadap bahasa Melayu, malahan mencadangkan penggunaan teknologi seperti alat penterjemah pintar dan interaktif untuk ucapan masa nyata. Perkara ini bukanlah sesuatu yang baharu kerana didapati dalam

Kita boleh melihat sendiri yang kini generasi muda lebih terdedah dengan pelbagai rancangan di televisyen, di media sosial dan pelbagai aplikasi yang ada dalam telefon bimbit, kebanyakannya menggunakan bahasa Inggeris.

mesyuarat atau konvensyen peringkat global telah dimanfaatkan teknologi untuk menterjemah ucapan ke dalam bahasa rasmi ahli mesyuarat yang hadir. Penggunaan penterjemah suara

pintar dan interaktif untuk ucapan masa nyata mungkin dikata leceh, tetapi harus diingat bahawa di sini letaknya sikap patriotik terhadap bahasa Melayu dan merupakan kekuatan kita untuk mempertahankan jati diri bangsa Malaysia sekali gus memperkasakan jenama bahasa kebangsaan negara.

Selain itu, pemimpin pada peringkat atasan hinggalah kepada ketua keluarga harus sedar bahawa anak yang kecil sedang memerhati dan meniru tindak-tanduk yang dipamerkan oleh mereka. Peribahasa Melayu mengatakan bahawa “bapak borek anak rintik”, sekiranya pemimpin tidak memulihkan jenama bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, sekiranya ibu bapa tidak memberikan teladan yang baik – akhirnya generasi muda tidak akan menghargai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan tidak menyangga jenama yang dibina selama ini.

Kita boleh melihat sendiri yang kini generasi muda lebih terdedah dengan pelbagai rancangan di televisyen, di media sosial dan pelbagai aplikasi yang ada dalam telefon bimbit, kebanyakannya menggunakan bahasa Inggeris. Akibatnya generasi muda lebih fasih berbahasa Inggeris dan lebih maklum tentang budaya Barat.

Diharap pernyataan yang dibuat ini tidak disalah tafsir. Sebenarnya kita amat berbangga sekiranya rakyat Malaysia fasih berbahasa Inggeris, bahasa Arab, bahasa Mandarin, bahasa Tamil, bahasa Rusia dan bahasa lain di dunia. Walau bagaimanapun, janganlah sehingga mengetepikan bahasa Melayu yang sudah diangkat sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara yang menjadi asas kepada perpaduan rakyat Malaysia.

Berkaitan dengan DBP, yang dipertanggungjawabkan untuk membina, memantap dan menyebarkan bahasa Melayu sejak tahun 1956, telah menyediakan pelbagai perkhidmatan seperti Pusat Rujukan dan Persuratan Melayu dan Pangkalan Data Korpus DBP. Dalam pelan



Penggunaan Internet mampu dimanfaatkan ke arah pengembangan bahasa Melayu.



Segala perihal tentang rujukan bahasa Melayu dapat dicapai hanya di hujung jari.

komprehensif perlu dipertimbangkan juga untuk membangunkan produk bahasa yang baharu dengan menggunakan pelbagai perisian dan aplikasi yang terkini. Produk bahasa harus dibangunkan dengan kerjasama penyelidik, pensyarah, guru dan para profesional sama ada di pihak kerajaan, swasta ataupun badan bukan kerajaan dengan berlandaskan teori dan model pemerolehan, penguasaan dan pengembangan bahasa. Apabila DBP dan rakan strategik mempunyai produk yang baik, seterusnya perlu difikirkan aspek pemasaran.

Di sini penulis ingin berkongsi idea yang dikemukakan oleh Pengarah Pusat Pembangunan dan Pendidikan Keusahawanan (CEED) dan Pensyarah Kanan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Profesor Madya Dr. Mohammad Ismail yang disiarkan oleh BERNAMA pada 19 Jun 2020. Beliau mengungkapkan isu yang dihadapi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dari aspek pemasaran khususnya dalam era pasca-COVID-19. Beliau mengulas cara anjakan dalam aspek pemasaran dan gaya hidup pengguna memerlukan usahawan lebih proaktif dalam usaha merangka strategi perniagaan untuk memenuhi permintaan pengguna dan tuntutan semasa.

Penulis ingin mengaplikasikan pandangan Dr. Mohammad sebagai

analogi untuk diterapkan dalam pelan komprehensif DBK, iaitu dengan menukar landskap pemasaran melalui platform e-dagang bagi memperluas akses pasaran. Kita harus bertindak segera kerana dunia juga tidak duduk berpeluk tubuh melepaskan peluang yang ada di depan mata. Sebagai contoh Porter Erisman dalam buku: *Six Billion Shoppers* membahaskan tentang e-dagang di pasaran baharu dari Nigeria, China, India, Asia Tenggara, dan Amerika Latin. Menurutnya, pasar mega e-dagang di negara membangun bersifat revolusioner dan usahawan perlu meneroka dan memanfaatkan ledakan e-dagang baharu dengan membawa produk jenama global. Dengan kata lain produk bahasa kebangsaan seperti produk yang berkelegar dalam pasaran perlu mempunyai jenama global, bersifat revolusioner, dan mampu bersaing dalam e-dagang pada peringkat global, seperti yang disarankan oleh Graham J. Hooley, Nigel F. Piercy, Brigitte Nicoulaud, dan John Rudd dalam buku: *Marketing Strategy and Competitive Positioning*. Mereka meneliti kesan pasaran baharu yang muncul hasil daripada inovasi, pelanggan yang mengamalkan norma baharu, realiti baharu dalam bersaing melalui perkhidmatan dan analisis pasaran dan segmentasi. Pemikiran di luar kotak ini mendapat perhatian para pengkaji dan juga usahawan di seluruh dunia.

Dari segi analisis pasaran pembelajaran bahasa secara dalam talian, Technavio Research meramalkan yang pasaran ini akan berkembang sebanyak USD\$18 bilion bagi tempoh tahun 2019 hingga tahun 2023. Menurut laporan ini terdapat kira-kira 25 vendor yang beroperasi di seluruh dunia, seperti Duolingo, Houghton Mifflin Harcour, Pearson, Rosetta Stone dan Sanako. Diharapkan pelan komprehensif yang dilakar menyusun atur strategi agar DBP bukan sahaja menjadi satu daripada vendor global malah dapat merangsang untuk mewujudkan vendor bahasa Melayu yang lain.

DBP juga sedang giat mengiliskan perkhidmatan yang ada dan keadaan ini amat

sesuai dengan landskap pengguna pada masa ini. Tambahan pula Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan bahawa kerajaan akan mempercepat proses pendigitalan masyarakat sebagai pendekatan adaptasi terhadap kebiasaan baharu yang membabitkan pelbagai aspek, termasuk pendidikan, urusan perniagaan atau e-dagang, e-kerajaan dan dalam kehidupan harian. Kerajaan juga bertindak secara proaktif bekerjasama dengan syarikat swasta dalam usaha menjalankan kempen "Shop Malaysia Online" bagi menggalakkan rakyat berbelanja secara dalam talian. Pendekatan dan kaedah yang diambil haruslah dilaksanakan berdasar kajian yang dijalankan untuk menjamin perancangan yang dibuat mencapai objektif DBK.

Apabila difikirkan tentang perancangan komprehensif ini, sebenarnya rakyat Malaysia amat beruntung kerana Malaysia mempunyai jenama yang baik dari segi pendidikan dan peluang pekerjaan yang menggamit rakyat dari negara lain untuk belajar dan bekerja di Malaysia. Jenama yang baik ini sepatutnya dimanfaatkan dengan mewajibkan pelajar dan pekerja mempunyai kelayakan seperti Sijil Kecekapan Bahasa Melayu bagi Warga Asing sebagai syarat bergraduasi atau syarat untuk menyambung kontrak termasuk juga yang ingin mendapat status sebagai penduduk tetap Malaysia. Syarat sedemikian akan menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa yang mampu bersaing pada peringkat global kerana perlu dipelajari oleh pihak luar.

Setelah mengambil kira aspek jenama, produk dan pemasaran, satu perkara yang tidak boleh diabaikan ialah sumber manusia. Setiap tenaga pengajar bahasa Melayu (TPBM) perlu mempunyai kemahiran untuk mengendalikan bengkel, seminar, diskusi, pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Antara kemahiran yang

diperlukan oleh seseorang TPBM dipaparkan dalam Rajah 1:

Tahap 1 Kecekapan Asas Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK): TPBM mempunyai pengetahuan berkaitan dengan komputer seperti fungsi asas, bahagian-bahagian komputer, pengoperasian komputer dan aplikasi am seperti Microsoft Office.

Tahap 2 Kecekapan Teknikal Berkaitan dengan Perisian, Aplikasi dan Platform yang Digunakan: TPBM mahir menggunakan alat yang berbeza seperti menyediakan persembahan powerpoint, menggunakan komputer riba, membina webpage, menggunakan perisian TMK, menggunakan kemudahan e-mel, memuat turun dan memuat naik maklumat, menggunakan jaringan Internet dan intranet. TPBM juga mahir mengendalikan pelantar seperti Zoom, Cisco Webex, Meet dan Microsoft Teams.

Tahap 3 Etika dalam Talian: Persekitaran pengajaran dalam talian mewujudkan isu etika antara TPBM dengan pelajar kerana hubungan yang kompleks, melintasi batas fizikal, budaya dan linguistik. Oleh itu, perlu dipertimbangkan aspek keadilan dan kepelbagaian, pengawasan dan persetujuan, identiti, serta maruah dan kerahsiaan.

Tahap 4 Alternatif Menangani Kekangan. Apabila berdepan dengan masalah, tenaga pengajar perlu tahu cara menanganinya dengan baik. Sebagai contoh, tenaga pengajar tidak dapat memaparkan bahan kandungan, oleh itu perlu dibentuk, seperti kumpulan WhatsApp, FB Messenger, WeChat, Telegram, dan Discord untuk mengirim bahan kepada penerima. Kita juga sedia maklum bahawa ada masanya terdapat gangguan Internet. Dalam kes ini, sepatutnya telah berbincang awal dengan pelajar tentang hari dan masa yang ditetapkan untuk membuat kelas gantian.

Tahap 5 Cakna dengan Keperluan Pelajar: Tenaga pengajar perlu cakna dengan keperluan pelajar, iaitu memahami konteks bagi pelajar yang akan mengambil peperiksaan, pelajar yang bertugas dengan syarikat yang ingin berhubung dengan pihak kementerian, atau sebagai hobi. Dalam hal ini tumpuan perlu diberikan terhadap kemahiran berbahasa yang diperlukan.

Tahap 6 Pengintegrasian PdP, Psikologi dan Teknologi. TPBM mampu mengintegrasikan pedagogi/ andragogi, psikologi dan teknologi dalam perkongsian ilmu. Kepelbagaian kaedah PdP harus digabungkan jalin bersesuaian dengan teknologi yang digunakan.

Tahap 7 Kemahiran Penyelidikan dalam Talian: TPBM mempunyai kemahiran pengurusan informasi seperti menggunakan enjin carian, memeriksa sumber, dan mengkredit sumber. Antara perkara yang harus difikirkan ialah plagiarisme dan harta intelek.

Tahap 8 Kreativiti dan Inovasi: Pada peringkat ini TPBM berada dalam ranah penciptaan

kreatif menggunakan TMK yang digabungkan dengan bahan PdP yang lain, di samping mampu membina aplikasi yang berkaitan dengan bahasa, budaya dan sastera Melayu. Pada tahap ini TPBM boleh berkongsi pengetahuan baharu dengan komuniti di dalam dan di luar negara. TPBM juga boleh membina aplikasi yang sesuai dengan menggunakan perisian yang sedia ada dalam pasaran.

Makalah ini sekadar menyentuh sebahagian kecil perkara yang perlu dipertimbangkan dalam pelan komprehensif DBK. Wacana intelektual perlu diadakan bukan sahaja mengkaji keadaan teknologi terkini, malah meneroka isu, masalah dan kerumitan yang dihadapi dalam pergolakan revolusi ini. Pada masa yang sama perlu dianalisis cara teknologi boleh dimanfaatkan bagi tujuan pemerksaan jenama bahasa Melayu, pembinaan produk, merangsang pemasaran dan melengkapkan TPBM dengan ilmu dan kemahiran yang pelbagai.

Oleh sebab bahasa Melayu bukan sekadar kod, tetapi merupakan sistem sosial yang dinamik berpaksikan budaya untuk mencipta dan menyampaikan makna, penggunaan teknologi pastinya dapat membantu mengurangkan beban dan menjadikan kerja lebih berkesan. Namun begitu, teknologi tidak dapat menggantikan kehebatan seorang guru. **PB**



*Berburu ke padang datar,
Dapat rusa bergelang kaki;
Berguru kepalang ajar,
Macam bunga kembang
tak jadi.*

*...
Dialah pemberi paling setia,
Tiap akar ilmu miliknya;
Pelita dan lampu segala,
Untuk manusia sebelum
jadi dewasa.*

(Usman Awang, 1979)